

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA  
[ SUBANG ]**

**SOALAN :**

Tuan R. Sivarasa [ Subang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bila Kerajaan akan melaksanakan satu "moratorium" atas perlaksanaan semua hukuman mati yang telah diturunkan sementara mengkaji semula kedudukan hukuman mati yang wajib (mandatori) di dalam peruntukan undang-undang negara.

**JAWAPAN:** **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Keputusan dasar berhubung dengan isu hukuman mati mandatori di Negara ini masih belum diputuskan kerana Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara masih sedang giat menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini.
2. Skop kajian tersebut tidak terhad kepada kedudukan hukuman mati mandatori sahaja, sebaliknya turut merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya.
3. Keputusan dasar berhubung isu ini akan diputuskan oleh Kerajaan berdasarkan hasil dapatan kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN MANIVANAN A/L**  
**GOWINDASAMY**  
**[KAPAR]**  
**SOALAN : 456**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-

- (a) apakah perkembangan dan status terkini projek-projek yang telah diluluskan di bawah Dana Inovasi Sosial MOSTI (MSI) sejak ianya diperkenalkan pada April 2015; dan
- (b) progres kerja-kerja baik pulih dan naik taraf infrastruktur dan infostruktur Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara yang ditutup sementara. Bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk menyiapkan kerja baik pulih dan naik taraf dan membuka kedua-dua lokasi ini kepada orang awam.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Program MOSTI *Social Innovation* (MSI) yang diperkenalkan pada bulan April 2015 bertujuan untuk menyebar luaskan aplikasi teknologi yang diterajui oleh MOSTI kepada rakyat untuk membantu memenuhi keperluan masyarakat setempat bagi meningkatkan kesejahteraan hidup. Program MSI diterajui oleh agensi MOSTI dengan kolaborasi

bersama agensi Kerajaan di luar MOSTI, syarikat berkepentingan Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau kumpulan komuniti menggunakan teknologi sedia ada yang telah dikenal pasti dan berupaya dilaksanakan secara mampan. Kementerian telah meluluskan 88 projek pada tahun 2015 dan sebanyak 74 projek telah diluluskan sehingga April 2016. Penerima faedah langsung bagi semua projek di bawah Program MSI adalah komuniti dan bukan syarikat mahu pun individu tertentu.

Bagi 88 projek yang telah diluluskan pada tahun 2015, sebanyak 63 projek telah siap dilaksanakan, manakala 25 projek lagi dalam peringkat akhir pelaksanaan. Kementerian akan melaksanakan Kajian Impak ke atas Program MSI dalam tempoh satu tahun daripada tarikh penyempurnaan program.

Sementara itu, projek-projek yang diluluskan pada tahun 2016 dijangka akan mula dilaksanakan pada bulan Jun 2016 sebaik sahaja dokumen Perjanjian MSI ditandatangani dan peruntukan diterima oleh Agensi di bawah MOSTI. Jangkaan penyempurnaan projek ialah enam bulan daripada tarikh perjanjian ditandatangani.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Pusat Sains Negara (PSN) Kuala Lumpur ditutup sementara waktu kepada pengunjung pada 20 Mac 2015 dan dijangka dibuka semula pada suku tahun pertama 2017. Ini bagi memberi laluan kepada kerja-kerja baik pulih dan naik taraf infrastruktur dan infostruktur yang meliputi projek penggantian keseluruhan bumbung bangunan, pembangunan fasiliti, penambahbaikan program pendidikan dan naik taraf galeri

pameran. Usaha ini bertujuan untuk menjadikan pembelajaran STI lebih menarik melalui pendekatan *informal science learning* yang lebih interaktif dan informatif. Ia seterusnya akan memberikan keselesaan dan keseronokan berganda kepada pengunjung.

Notis pemakluman penutupan PSN telah dibuat di laman sesawang PSN dan hebahan melalui sidang media semasa Majlis Pelancaran PSN Trooperz pada 9 April 2015 di Dataran MOSTI. Kerja-kerja baik pulih dan naik taraf tersebut berjalan dengan lancar mengikut jadual dan dijangka selesai pada suku tahun pertama 2017. Tarikh pembukaan semula PSN Kuala Lumpur akan dimaklumkan melalui media kelak.

Namun demikian, PSN masih meneruskan operasinya seperti biasa melalui cawangan PSN Wilayah Utara di Gunung Kriang, Kedah yang sentiasa menawarkan kepelbagaiannya bahan pameran, program dan aktiviti sains yang menarik. PSN juga melalui Unit *Outreach* (PSN Trooperz) telah bergerak aktif di seluruh Malaysia bagi menjalankan program jangkau luar. Sejak penutupan PSN sehingga 9 Mei 2016, PSN Trooperz telah berjaya melaksanakan 70 program pembudayaan STI di seluruh Malaysia. Usaha ini telah menarik lebih 300,000 orang pengunjung yang melibatkan kumpulan sasar pelajar, guru, belia, orang kurang upaya, komuniti orang asli dan masyarakat umum.

Manakala bagi galeri pameran Planetarium Negara Kuala Lumpur, ia telah ditutup mulai 4 Januari 2016 dan akan dibuka semula kepada orang awam pada 12 Julai 2016. Penutupan ini adalah untuk memberi laluan kepada kerja-kerja menaik taraf galeri pameran baru yang lebih interaktif dan terkini. Kos menaik taraf ini berjumlah RM5.75 juta dan dijangka siap pada 30 Jun 2016. Kerja menaik taraf ini telah mencapai

80 peratus siap dan mengikut jadual pelaksanaan kerja. Antara tarikan utama galeri pameran baru ini ialah '*simulator ride*', pameran batuan meteorit dan fosil. Walau pun galeri pameran ini ditutup kepada orang awam, tayangan planetarium bertemakan sains angkasa masih beroperasi seperti biasa di teater angkasa Planetarium Negara Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.